

D529

U B844 DEB
MAHATHIR - TERENGGANU R R R

KUALA TERENGGANU, 4 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENAFIKAN CAKAP-CAKAP BAHAWA MENTERI BESAR TERENGGANU, DATUK HAJI WAN MOKHTAR AHMAD AKAN DIPINDAHKAN KE PERINGKAT PERSEKUTUAN.

KATANYA, CAKAP-CAKAP SEPERTI ITU ADALAH FITNAH DAN KHABAR ANGIN YANG DIHEBOH-HEBOHKAN OLEH ORANG-ORANG TERTENTU YANG SENGAJA INGIN MENIMBULKAN KEADAAN TIDAK STABIL DI NEGERI INI.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SEMPENA LAWATAN TIGA HARI KE TERENGGANU, BELIAU BERKATA ORANG-ORANG ITU BERBUAT DEMIKIAN SUPAYA NANTI BERLAKULAH KEADAAN SIAPA YANG AKAN BERKUASA DI NEGERI INI.

KATANYA, ORANG-ORANG INI SEBENARNYA TIDAK BERANI TAMPIL KE DEPAN UNTUK MEMBUAT KENYATAAN SECARA TERBUKA.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, BELIAU BERKATA MEDIA MASSA TIDAK HARUS MEMBERI PUBLISITI KEPADA ORANG-ORANG SEPERTI ITU YANG SEMATA-MATA MAHU MENIMBULKAN KEADAAN TIDAK SIHAT DI NEGERI INI. -- LAGI.

1712MST 04 10 87

U B845 DEB
MAHATHIR - TERENGGANU 2 KUALA TERENGGANU

SEBELUM INI, ADA CAKAP-CAKAP DAN LAPORAN AKHBAR KONONNYA DATUK HAJI WAN MOKHTAR AKAN DIPINDAHKAN KE DALAM KERAJAAN PERSEKUTUAN SEBAGAI MENTERI.

MENGENAI CARI GALI DAN PENGELUARAN MINYAK DAN GAS DI KEDAH, BELIAU BERKATA JIKA ADA BUKTI MENUNJUKKAN SUMBER ITU TERDAPAT DI SITU, KERAJAAN SANGGUP MENGADAKAN PERJANJIAN DENGAN MANA-MANA PIHAK UNTUK MELAKSANAKANNYA DENGAN PETRONAS.

MENGENAI PERINDUSTRIAN DI TERENGGANU, BELIAU BERKATA KERAJAAN TELAH MELABUR SEBANYAK \$5,000 JUTA DI NEGERI INI UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK KHUSUSNYA YANG BERASASKAN PETROLEUM DAN GAS.

KATANYA, PADA MASA INI TERENGGANU MENERIMA ROYALTI HASIL PETROLEUM DAN GAS SEDANGKAN ADA NEGERI-NEGERI LAIN MASIH KETINGGALAN.

APABILA DITANYA MENGAPA PROJEK-PROJEK BERKAITAN DENGAN PETROLEUM DAN GAS SEPERTI PROJEK MTBE DILAKSANAKAN DI PAHANG, BELIAU BERKATA ADALAH WAJAR JIKA PROJEK-PROJEK ITU DIAGIH-AGIHKAN KE NEGERI-NEGERI LAIN UNTUK MEMBANTU MEREKA MEMBANGUN. -- BERNAMA.

1716MST 04 10 87